

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 2004/2005**

**Mei 2005**

**CST101 – Organisasi Komputer**

**Masa : 2 jam**

**ARAHAN KEPADA CALON:**

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** soalan di dalam **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
- Jawab **SEMUA** soalan.

1. (a) Tukarkan nombor-nombor persepuhuan berikut ke radiks yang dikehendaki:

- (i) 7562 kepada perlapanan
- (ii) 1938 kepada perenambelasan
- (iii) 175 kepada perduaan

(6/100)

- (b) Apakah nombor persepuhuan yang diwakilkan oleh perkataan di bawah menggunakan perwakilan IEEE 32-bit?

Tanda	Eksponen	Mantisa
1	10000001	01000000000000000000000000000000

↔ ↔ ↔ ↔  
1 bit      8 bit      23 bit

(4/100)

- (c) (i) Laksana operasi penolakan bagi nombor-nombor persepuhuan tak bertanda di bawah menggunakan pelengkap-10.

$$5536 - 7948$$

- (ii) Laksana operasi aritmetik bagi nombor persepuhuan  $-45 + 17$  dan  $-45 - 17$  dalam perduaan. Anda dikehendaki menggunakan perwakilan pelengkap-2 bagi mewakilkan nombor negatif. Dengan menggunakan 8 bit termasuk bit tanda, tunjukkan sama ada berlaku limpahan di dalam kedua-dua operasi di atas.

(15/100)

2. (a) Permudah ungkapan Boolean berikut menggunakan manipulasi algebra kepada ungkapan yang termudah:

$$[(WZ)' + X]' + X + WZ + XY$$

(5/100)

(b) Diberi fungsi Boolean F bersama dengan keadaan tidak peduli d berikut:

$$F = x_1(x_2\bar{x}_3 + x_2x_3 + \bar{x}_2\bar{x}_3x_4) + x_2\bar{x}_4(\bar{x}_3 + x_1)$$

dan

$$d = x_1\bar{x}_2(x_3x_4 + \bar{x}_3\bar{x}_4) + \bar{x}_1\bar{x}_2x_4$$

- (i) Dapatkan jadual kebenaran bagi fungsi di atas.
- (ii) Lukis gambar rajah logik menggunakan ungkapan Boolean di atas.
- (iii) Menggunakan peta-k, permudah fungsi di atas dalam bentuk hasil tambah hasil darab (SOP) dan hasil darab hasil tambah (POS).
- (iv) Lukis gambar rajah-gambar rajah logik bagi ungkapan yang telah dimudahkan di 2(b)(iii) dan bandingkan jumlah get-get yang digunakan di 2(b)(ii).


(15/100)

(c) Terangkan perbezaan antara konsep-konsep berikut:

- (i) Daftar alamat ingatan dan daftar data ingatan.
- (ii) Kitar ambil dan kitar laksana.

(5/100)

3. (a) Labelkan kesemua item-item yang terdapat di dalam organisasi CPU yang menggunakan struktur bas tunggal dalam Gambar Rajah 1.



Gambar Rajah 1

(12/100)

- (b) Tulis jujukan langkah-langkah kawalan bagi struktur bas dalam Gambar Rajah 1 untuk mencampur satu nombor ke daftar (iaitu R1), jika nombor tersebut adalah operan di alamat tidak terus.

(8/100)

- (c) Beri **dua (2)** kebaikan dan **dua (2)** keburukan penggunaan teknik kawalan "hardwired" bagi membangunkan unit kawalan.

(5/100)

4. (a) Andaikan satu komputer menggunakan satu unit ingatan bersaiz 32 M perkataan, setiap perkataan mempunyai 32 bit.
- Menggunakan gambar rajah blok, tunjuk organisasi unit ingatan di atas.
  - Berapakah bilangan talian alamat dan talian data input-output diperlukan di dalam unit ingatan ini?
- (6/100)
- (b) Satu komputer digital mempunyai unit ingatan bersaiz  $64\text{ K} \times 16$  perkataan dan ingatan *cache* bersaiz 1 K perkataan. Ingatan *cache* menggunakan teknik pemetaan terus di mana setiap blok boleh mempunyai 4 perkataan.
- Berapakah bilangan bit di dalam medan tag, blok dan perkataan di dalam format alamat?
  - Berapakah bilangan blok yang dapat disimpan di dalam ingatan *cache*?
  - Tunjukkan format alamat jika ingatan *cache* menggunakan teknik pemetaan 2-cara set bersekutu.
- (10/100)
- (c) Lukis organisasi ingatan bersekutu. Terang fungsi setiap komponen yang terdapat di dalam ingatan ini.
- (9/100)